

6

GUGUTAN AKIDAH: MENCELA PARA SAHABAT

Norlaila Iskandar
Nur Humairah Mohd Don Basari
Kamarul Azmi Jasmi

Abstrak

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi yang keempat, definisi kepada perkataan 'mengingkari' adalah memungkir, menafikan, tidak menerima kenyataan atau perintah yang ditetapkan. Perkataan mencela pula membawa maksud membuka aib, mengata, dan bercakap sesuatu yang tidak elok di belakang seseorang itu. Seperti yang diketahui oleh semua orang Muslim, sahabat Rasulullah SAW merupakan insan yang pernah berjumpa dan pernah menerima ajaran yang diturunkan oleh Baginda. Segala ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW merupakan perintah yang diperintahkan oleh Allah dan pun tertulis dalam al-Quran. Maka, tajuk mengingkari dan mencela sahabat Rasulullah SAW ini akan membuka mata pembaca yang perbuatan tersebut amatlah ditegah untuk diperlakukan oleh seorang yang bergelar Muslim yang beriman. Antara salah satu sub topik yang akan dibincangkan melalui penulisan ini adalah 'golongan yang mencela dan menghina para sahabat'. Dari situ para pembaca dapat melihat beberapa kaum terdahulu yang melakukan perbuatan yang salah di sisi Allah malah dilaknat oleh Rasulullah SAW sendiri. Dari situ juga akan dapat diperlihatkan balasan yang diturunkan kepada mereka yang mengingkari dan mencela para sahabat Rasulullah SAW. Penulisan ini juga turut membincangkan hukum yang ditetapkan terhadap mengingkari dan mencela sahabat Rasulullah SAW. Selain itu, ayat al-Quran yang disertakan juga menunjukkan larangan yang sendiri tertulis dalam kitab suci tersebut mengenai mengingkari dan mencela sahabat

Rasulullah SAW. Sesungguhnya, semua umat Islam diajar untuk mengikut segala ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW, dan mengikut dan sentiasa memuji segala percakapan dan perbuatan yang dilakukan oleh sahabat Rasulullah SAW merupakan satu iktikad.

Pengenalan

Allah menciptakan Muslim sebagai hamba-Nya untuk mengakui keesaan-Nya dan tunduk patuh akan perintah-Nya. Sebagai hamba-Nya yang diredai, Allah membekalkan dengan akidah supaya hamba-Nya sentiasa sedar dan peka terhadap pencipta-Nya. Akidah yang mantap diukur melalui sejauh mana kuatnya iman seseorang Muslim itu. Sebagai seorang Muslim yang beriman, Muslim harus menjaga dan memelihara akidah yang ditanam dalam diri Muslim supaya tidak tercemar dengan anasir jahat yang mampu memesonkan jalan yang lurus dan sekali gus menjerumuskan Muslim ke dalam api neraka.

Jadi, dalam tajuk akan dapat diperlihatkan dan ditekankan mengenai perkara yang boleh membatalkan akidah seseorang Muslim itu. Salah satu contoh perkara yang membatalkan akidah (Jasmi, 2011) adalah mencela atau mengingkari para sahabat Rasulullah SAW. Sahabat Nabi SAW merupakan insan yang pernah bersua muka dan berjumpa secara berhadapan dengan Nabi SAW. Sahabat juga merupakan insan yang sentiasa bersama baginda ketika susah dan senang serta mempercayai segala yang dilakukan oleh Rasulullah adalah benar. Antara sahabat baginda yang sangat dikenali seperti Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Saidina Umar al-Khatib, Saidina Uthman bin Affan, Saidina Ali, Saidatina Aisyah dan ramai lagi. Sesungguhnya, setiap perkara yang dibincangkan dalam tajuk adalah dirujuk melalui sumber yang sahih serta benar iaitu al-Quran dan hadis.

Mengingkari atau mencela para sahabat

Salah satu perkara yang membatalkan akidah seseorang Muslim itu adalah mengingkari atau mencela para sahabat Rasulullah SAW. Hal ini demikian kerana sahabat Rasulullah merupakan orang yang pernah bersua muka dengan baginda dan pernah berinteraksi dengan baginda dalam keadaan iman dan Islam. Sahabat Rasulullah

juga merupakan insan yang sangat jujur dan tidak pernah sesekali pernah berbohong. Hal ini demikian kerana, sahabat Rasulullah merupakan insan mempunyai kemantapan iman dan takwa kepada Allah dan sentiasa mempercayai segala percakapan yang diucapkan oleh baginda serta mengikut segala perbuatan yang dilakukan oleh baginda.

Jadi, perbuatan mencela dan menghina para sahabat ini adalah salah satu kesalahan yang besar. Tambahan pula, jika menanam rasa benci dan ingkar segala yang diperkatakan oleh para sahabat Rasulullah, maka ia juga merupakan perkara yang haram.

Namun begitu, tidak semua mempunyai ideologi yang sama seperti orang Muslim yang lain. dalam kebanyakan orang Muslim di dunia ini demikian, ada antara mereka yang mengingkari malah mencela para sahabat Rasulullah SAW. Mereka yang berbuat sedemikian secara tidak langsung merosakkan iman sekali gus meruntuhkan akidah dan semestinya menanggung dosa besar. Allah SWT berfirman:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا كُتِبَ لَهُمْ فَقَدْ
 اِحْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿٥٨﴾

Maksud: Dan orang yang mengganggu serta menyakiti orang lelaki yang beriman dan orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka sesungguhnya mereka memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata.

(Surah *al-Ahzab*, 33:58)

Kesimpulan ayat di atas adalah Muslim dapat melihat bahawa orang yang mengingkari atau mencela sahabat Nabi SAW sudah semestinya tergolong dalam golongan orang kafir sama seperti yang pernah diperlakukan oleh golongan rafidah pada waktu ketika dahulu. Berkaitan golongan rafidah, topik ini akan dibincangkan dalam perbincangan yang seterusnya.

Penduduk Syria, Iraq dan Mesir pernah mencela antara satu sama lain (al-Nadawi, 2007). Para sahabat yang bergabung dengan golongan yang lain tidak pernah terlepas dari cacian dan celaan dari mereka. Kejadian ini diperdengarkan oleh Aisyah, dan beliau merasakan sikap sebegini amat bertentangan dengan perintah Allah yang sepatutnya mereka dituntut untuk menghormati para sahabat Rasulullah SAW. Hal ini berdasarkan apa yang diperkatakan oleh Aisyah, dapatlah dilihat dalam firman Allah yang bermaksud:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا
الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًا لِلَّذِينَ
آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٠﴾

Maksud: Dan orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan Rahmat-Mu."

(Surah al-Hasyr 59:10)

Justeru, dengan perbuatan yang sedemikian, sudah tentu sangat dibenci oleh Allah sehingga Allah mengizinkan untuk memerangi (al-Qarni, 2006) mereka yang mencela dan menghina para sahabat. Balasan yang diterima sama dengan apa yang mereka lakukan terhadap para sahabat. Mereka akan dimusnahkan, tempat tinggal mereka dihancurkan lalu mereka akan ditelan bumi.

Golongan yang mencela dan menghina para sahabat juga tidak berhak untuk menerima apa sahaja dari harta rampasan perang (Mohamed, 2011) kerana perbuatan mereka itu. Seperti yang diperkatakan oleh Imam Malik yang dikutip oleh Ibnu Abdul Bar,

“Orang yang mencela para sahabat Nabi tidak memperoleh hak dari harta rampasan. Hak hanya dimiliki tiga golongan.”

Bukan sahaja orang kafir tergolong dalam golongan yang dilaknat oleh para malaikat (Awang, 2007) malah orang yang mencela dan menghina para sahabat Nabi SAW juga tergolong dalam golongan tersebut. Hal ini demikian kerana malaikat melaknat orang yang melakukan dosa, dan perbuatan melaknat dan menghina para sahabat itu merupakan salah satu contoh perkara yang boleh mendatangkan dosa. Seperti yang dilaporkan oleh Abdullah bin Abbas. Dalil Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا وَمَاتُوا وَهُمْ كُفَّارًا أُولَٰئِكَ عَلَيْهِمْ لَعْنَةُ
اللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١٦١﴾

Maksud: Sesungguhnya orang yang kafir, dan mereka mati sedang mereka tetap dalam keadaan kafir, mereka itulah orang yang ditimpa laknat Allah dan malaikat serta manusia sekalianya.

(Surah *al-Baqarah*, 2:161)

Golongan yang sentiasa mencari aib dan sentiasa mencari jalan untuk menjatuhkan maruah para sahabat Rasulullah SAW akan terkena laknat Allah SWT. (al-Mu`adz, 2001) Walaupun orang yang melakukan perbuatan tersebut mendakwa insan itu merupakan serendah-rendah kedudukan dalam kalangan para sahabat Rasulullah SAW, namun Rasulullah SAW sendiri menjatuhkan untuk mengharuskan sesiapa yang melakukan perbuatan sebegini dilaknat oleh Allah SWT.

Secara konklusinya, berdasarkan ayat al-Quran diatas, dapatlah diketahui bahawa sebagai seorang Muslim yang beriman, tidak boleh sama sekali mencela atau mengingkari segala bentuk percakapan mahupun perbuatan yang dilakukan oleh para sahabat Rasulullah SAW. Hal ini demikian kerana, mereka itu lebih terdahulu bertemu dan bersua muka serta mendengar segala perkataan yang diucapkan oleh baginda. Walau bagaimanapun, sudah pun diketahui oleh setiap

Muslim bahwa sahabat Rasulullah itu bukanlah seorang yang maksum atau sempurna. Namun ia tidak boleh dijadikan asbab utama untuk sebagai seorang Muslim mengingkari atau mencela mereka. Jika seorang Muslim mencela mereka sama seperti seorang Muslim mencela individu yang memberi ajaran kepada mereka. Sebaik-baik iktikad adalah iktikad yang dibawa oleh sahabat Rasulullah SAW. (al-Dzahabi, 2005)

GOLONGAN MENCELA PARA SAHABAT

Golongan yang kufur kepada Allah dan Rasul-Nya merupakan golongan yang paling ramai terancam dengan amaran yang disebut dalam al-Quran (Abdullah, 1996). Allah SWT berfirman:

وَالَّذِينَ يُؤْذُونَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَغَيْرِ مَا اكْتَسَبُوا فَقَدِ
 احْتَمَلُوا بُهْتَانًا وَإِثْمًا مُّبِينًا ﴿٥٨﴾

Maksud: Dan orang yang mengganggu serta menyakiti orang lelaki yang beriman dan orang perempuan yang beriman dengan perkataan atau perbuatan yang tidak tepat dengan sesuatu kesalahan yang dilakukannya, maka Sesungguhnya mereka memikul kesalahan menuduh secara dusta, dan berbuat dosa yang amat nyata.

(Surah *al-Ahzab*, 33:58)

Terdapat beberapa golongan yang suka mencela dan menghina sahabat Rasulullah SAW, antaranya ialah:

Golongan Khawarij

Golongan ini muncul ketika zaman Rasulullah lagi. Golongan ini mula berkembang pada zaman Sayidina Ali RA. Golongan ini muncul ketika peristiwa perlantikan khalifah seterusnya. Pada ketika itu, terdapat dua penyokong iaitu penyokong bagi pihak Sayidina Ali dan penyokong bagi Muawiyah. Jadi golongan Khawarij ini merupakan

penyokong bagi pihak Muawiyah. Akibat ketaksuban mereka terhadap Muawiyah, golongan ini menghina serta mencela sahabat Rasulullah yang lain terutama Saidina Ali RA. Golongan ini juga mengkafirkan para sahabat seperti Saidina Ali, Saidatina Aisyah Amru bin Asy dan sahabat baginda yang lain.

Golongan Syiah

Golongan ini juga muncul ketika peristiwa perlatikan khalifah seterusnya yang akan menggantikan pemerintahan Rasulullah SAW golongan Syiah ini merupakan golongan yang menyokong Saidina Ali RA. Akibat sokongan mereka terhadap Saidina Ali, mereka menjadi taksub dan menolak semua sahabat Rasulullah serta menolak pemerintahan khalifah yang lain. Golongan ini menghina, mencela dan mencaci para sahabat seperti Saidina Abu Bakar, Saidina Umar, Saidina Uthman dan sahabat yang lain. Golongan ini hanya menerima Saidina Ali serta kaum kerabat Saidina Ali seperti Saidina Hassan dan Saidina Hussien.

Golongan Rafidhiah

Sebagai contoh yang paling memberi kesan adalah kaum Rafidah (Ied al-Hilali, 2005) yang memfitnah dan mencela para sahabat sedangkan Allah sendiri membersihkan mereka daripada tuduhan tersebut. Perkara yang dilakukan oleh mereka adalah dengan memutarbelitkan perkara yang diberitakan oleh Allah dan mereka-reka cerita yang tidak benar dan bertentangan tentang para sahabat. Golongan ini tidak menerima pemerintahan khalifah lain selain Khalifah Sayidina Ali. Mereka mendakwa bahawa hanya Sayidina Ali sahaja yang layak untuk memegang jawatan sebagai khalifah selepas kewafatan Rasulullah. Golongan ini mengkafirkan khalifah yang terdahulu seperti Khalifah Abu Bakar, Khalifah Umar dan Khalifah Uthman kerana menerima jawatan sebagai khalifah. Mereka juga menghina sahabat Rasulullah yang lain dan juga menghina isteri Baginada seperti Saidatina Aisyah dan Saidatina Habsah.

HUKUM MENCELA PARA SAHABAT

Hukum menghina serta mencela sahabat Rasulullah SAW adalah satu perbuatan yang berdosa besar. Malahan, seseorang yang menghina para sahabat ini boleh dijatuhkan kafir dan terkeluar daripada Islam (Ibrahim, 1996). Hal ini demikian dapat dibuktikan dalam beberapa kata-kata ulama yang lain. Antaranya ialah Imam Malik yang berkata: “*Mereka yang membenci para sahabat Rasulullah SAW adalah kafir.*” Begitu juga dengan Imam Ahmad bin Hanbal yang berkata: “Wajib bagi pemerintah memberi hukuman dan seksaan serta tidak boleh dimaafkan kepada penghina sahabat. Bahkan perlu menegakkan hukum dan memaksanya untuk bertaubat.”

LARANGAN MENCELA PARA SAHABAT

Allah dan Rasulullah melarang sama sekali untuk menghina dan mencela para sahabat Rasulullah. (Din, 1995) Hal ini demikian dinyatakan kerana beberapa sebab, Antaranya ialah menghina, memaki dan mencela para sahabat adalah satu kesalahan yang dilarang sama sekali bagi setiap orang yang bergelar Muslim. Hal ini demikian dapat dijelaskan daripada dalil al-Quran sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ
الظَّنِّ إِثْمٌ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ
أَحَدُكُمْ أَنْ يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ
إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ ﴿١٣﴾

Maksud: Wahai orang yang beriman! Jauhi kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana Sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang

lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang mati? (jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepada-Nya. (oleh itu, patuhilah larangan yang tersebut) dan bertakwa kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.

(Surah *al-Hujaat*, 49:12)

Selain daripada itu, Allah akan sentiasa meredai dan memberkati kehidupan seseorang itu. Akan tetapi sekiranya seseorang itu menghina dan mencela para sahabat Rasulullah, maka Allah tidak akan sesekali meredainya. Seperti dalam firman Allah SWT:

لَقَدْ رَضِيَ اللَّهُ عَنِ الْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ فَعَلِمَ
مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَنْزَلَ السَّكِينَةَ عَلَيْهِمْ وَأَثَابَهُمْ فَتْحًا قَرِيبًا ﴿١٨﴾

Maksud: Demi sesungguhnya! Allah reda akan orang yang beriman, ketika mereka memberikan pengakuan taat setia kepadamu (Wahai Muhammad) di bawah naungan pohon (yang termaklum di Hudaibiyah); maka (dengan itu) ternyata apa yang sedia diketahui-Nya tentang (kebenaran iman dan taat setia) yang ada dalam hati mereka, lalu ia menurunkan semangat tenang tenteram kepada mereka, dan membalas mereka dengan kemenangan yang dekat masa datangnya.

(Surah *al-Fath*, 48:19)

Bagi orang yang mencela dan menghina para sahabat Rasulullah SAW, Allah akan melaknat dan tidak meredai seseorang itu. Dosa menghina dan mencela sahabat adalah salah satu dosa yang besar. Jadi, bagi sesiapa yang melakukan perbuatan memaki, mencela dan menghina sahabat Rasulullah, segeralah beristighfar dan bertaubat. Seperti dalam firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا
الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًا لِلَّذِينَ
آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ ﴿١٠﴾

Maksud: Dan orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! ampunkanlah dosa kami dan dosa saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan Rahmat-Mu."

(Surah *al-Hasyr*, 59:10)

Jadi daripada firman Allah ini bahawa dapat diketahui Allah dan juga Rasulullah melarang untuk menghina sesama insan apatah lagi seseorang yang bergelar sahabat Rasulullah.

RUMUSAN

Melalui perbincangan tajuk Mencela dan Menghina Para Sahabat Nabi, dapatlah diketahui bahawa, sebarang bentuk penghinaan, makian dan celaan terhadap sahabat Nabi, adalah satu kesalahan yang besar dan dihukumkan sebagai satu dosa yang besar. Hal ini demikian dibuktikan melalui firman Allah daripada al-Quran dan bersumberkan hadis Nabi yang sahih.

Perbuatan mencela dan menghina sesama insan tidak dibenarkan, apatah lagi sesama Muslim ditambah pula seseorang itu adalah sahabat Nabi. Jadi, bagi seseorang yang melakukan perbuatan menghina dan mencela, mereka perlu segera bertaubat. Seandainya seseorang ada berniat untuk melakukan dosa besar, iaitu menghina dan mencela sahabat Nabi, maka perlulah dibuang hasrat tersebut dan segeralah bertaubat. Sesungguhnya Allah itu bersifat Maha Pemu-

rah, Maha Mengasihani dan Maha Pengampun terhadap dosa-dosa yang dilakukan oleh setiap hambanya.

RUJUKAN

- Abdullah, Abdul Rahman 1996. *Pendidikan al-Quran Membina Minda dan Jiwa Cemerlang* Jakarta: Perniagaan Jahabersa.
- Al-Dzahabi, Imam. 2005. *Dosa Dosa Besar* Pustaka Arafah: Niaga Swadaya.
- Al-Mu`adz, Nabil Hamid. 2001. *Bagaimana Mencintai Rasulullah SAW* Mesir Darut-Tauzi wan-Nasyr al-Islamiyah.
- Al-Nadawi, Sulaiman. 2007. *Aisyah: Keunggulan Sebenar*. Jakarta PT Pena Pundi Aksara
- Al Qarni, Adh 2006. *Memahami Semangat Zaman*. Jakarta PT Serambi Ilmu
- Awang, Abdul Hadi 2007. *Beriman Kepada Malaikat dan Kitab* Jakarta PTS Islamika
- Din, Ishak. 1995. *Permasalahan Aqidah Tauhid*. Kuala Lumpur: Darul Nukman.
- Ibrahim, Said 1996. *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama`ah*. Kuala Lumpur: Darul Ma`rifah.
- Ied al-Hilali, Abu Usamah Salim. 2005. *Syarah Riadhush Salihin*. Jakarta Pustaka Imam As-Syafie.
- Jasmi, Kamarul Azmi 2011. *Dasar Akidah Islam*. Johor Bharu: UTM Press.
- Mohamed, Hanafi. 2011. *40 Perkara Membatalkan Iman Menurut al-Quran dan Sunnah*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid.

